

Iskandar pertahan keputusan, tetap salahkan pemaju

SHAH ALAM 9 Feb. - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar negeri, Datuk Iskandar Abdul Samad mempertahankan tindakan kerajaan PKR Selangor membatalkan sembilan projek Rumah Selangorku walaupun keputusan itu menjejaskan peluang kepada rakyat negeri ini untuk mendapatkan hak perumahan mampu milik.



ISKANDAR

Dalam satu kenyataan menerusi laman Facebook miliknya hari ini, Iskandar menegaskan pembatalan projek itu dibuat ker-

ana pihak pemaju tidak memohon Kebenaran Merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) meskipun kelulusan projek telah diberikan kerajaan negeri dalam tempoh 2016 dan 2017.

“Sembilan projek (Rumah Selangorku) itu dibatalkan kerana (pemaju yang terlibat) tidak memohon Kebenaran Merancang. Kalau tidak ada Kebenaran Merancang, macam mana nak jual. Malah, Permit Iklan dan Jualan (APDL) pun tidak ada,” katanya.

APDL merupakan permit

iklan dan jualan sesebuah projek perumahan yang diwajibkan ke atas pemaju di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118).

Di bawah peruntukan itu, syarikat-syarikat pemaju dikehendaki mengemukakan APDL sebelum menyiarkan iklan penjualan projek perumahan dan bangunan di negara ini.

Akhbar hari ini melaporkan mengenai keluhan rakyat Selangor yang kecewa serta mempersoalkan keputusan kerajaan negeri membatalkan sembilan projek Rumah Selangorku pada Selasa lalu.

Menurut mereka, keputusan kerajaan PKR Selangor itu bukan

sahaja meragukan malah menunjukkan pentadbiran negeri ini cuba menafikan hak mereka untuk mendapatkan rumah mampu milik seperti yang dijanjikan sebelum ini.

Daripada sembilan projek Rumah Selangorku yang dibatalkan itu, tiga projek melibatkan kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) diikuti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) membabitkan dua projek.

Selain itu masing-masing satu projek turut dibatalkan di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).